

16 OCT 1997

## PROGRAM VENDOR SATU PERMULAAN KEPADA WAWASAN MEC UNTUK 100 PERATUS ALAT TEMPATAN

Oleh: Zainab Mohd Yatim

KUANTAN, 16 Okt (Bernama) -- Program pembangunan vendor Malaysia Electric Corporation Bhd (MEC) dilancarkan hari ini, membuka jalan bagi wawasannya untuk petempatan 100 peratus komponen-komponen dan alat-alat, seperti diilhamkan oleh kerajaan di bawah konsep "industri berasaskan kelompok".

Program itu, yang didaya utamakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan, MEC dan Oriental Bank Bhd, dirasmikan oleh Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Abdul Ghani Sulaiman bagi pihak Menteri Besar Tan Sri Mohd Khalil Yaacob di MEC City di Gambang, dekat sini.

Pelancaran itu menyaksikan perjanjian tiga pihak antara kementerian itu, syarikat utama MEC, dan Oriental Bank yang akan mengadakan kemudahan-kemudahan kewangan.

Untuk layak bagi program ini, syarikat-syarikat mestilah 75 peratus milik Malaysia diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan dengan modal berbayar sebanyak minimum RM100,000 dan maksimum RM5 juta.

Pada pelancaran itu, Abdul Ghani berkata program itu menawarkan pelbagai keistimewaan dan keistimewaan utama adalah pemindahan teknologi, jaminan kualiti, produktiviti meningkat, skala ekonomi, hantaran tepat, inventori rendah, infrastruktur hebat dan sistem lojistik yang cekap.

Beliau berkata industri-industri kecil dan sederhana (IKS) yang mempunyai pengalaman pengeluaran dan kelayakan yang ditentukan digalakkan untuk menyertai di dalam program vendor MEC.

Pada satu persidangan akhbar selepas pelancaran itu, Abdul Ghani berkata tiga buah syarikat bumiputera telah dikenal pasti untuk menyertai di dalam program itu.

Syarikat-syarikat berkenaan ialah Filter Power (M) Sdn Bhd dan Ziliontech Sdn Bhd, kedua-duanya beroperasi di Pahang. Mereka terbabit dalam pemasangan papan litar dan elektronik manakala syarikat satu lagi ialah syarikat suntikan plastik berpangkalan di Melaka, Large Wise Sdn Bhd.

Abdul Ghani berkata kerajaan negeri telah menyaring 15 buah syarikat lagi dan keputusan berkaitan dengan ini akan dibuat tidak lama lagi.

MEC adalah anak syarikat dimiliki 60 peratus oleh Kuala Lumpur Industries Holdings Bhd (KLIH). Anak syarikat pelaburan kerajaan, Khazanah Nasional Bhd, memegang 30 peratus kepentingan di dalam MEC manakala kerajaan negeri memilik bakinya 10 peratus.

MEC City, sebuah projek RM4 bilion yang dibuka oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 17 Mac tahun ini, akan menerajui penyertaan Malaysia ke dalam industri perkakas elektrik global.

Ia mengeluarkan kira-kira 200 perkakas elektrik dan rumah terdiri daripada peti sejuk, penyaman udara, periuk nasi dan tekanan dan sistem audio-visual.

Antara industri-industri yang boleh mengambil bahagian di dalam program vendor itu ialah komponen-komponen elektrik dan elektronik; peracuan; alat-alat logam, plastik atau getah; pemasangan papan litar plastik dan unsur-unsur pemanasan.

Syarikat-syarikat yang terbabit di dalam penebatan dan bahan-bahan perkakasan; bahan-bahan pembungkusan dan cetakan, dan perkhidmatan sokongan lain juga digalakkan menyertai.

Selain daripada beroperasi sebelah menyebelah dengan syarikat induk, pembekal-pembekal akan diberikan galakan khas seperti taraf perintis dengan

cukai rendah ke atas 15 peratus pendapatan berkanun untuk lima tahun; elaun cukai pelaburan sebanyak 80 peratus dan pengecualian elaun bagi setiap tahun taksiran sehingga 85 peratus daripada pendapatan berkanun bagi tahun taksiran.

Galakan-galakan lain termasuk elaun pelaburan semula sehingga penggunaan penuh ke atas elaun yang boleh diimbangi terhadap pendapatan berkanun bagi tahun taksiran dan bantuan kewangan bagi IKS yang didaftarkan dengan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC).

Para peserta program juga akan mendapat manfaat daripada Tabung Perindustrian Bumiputera dengan pinjaman sehingga 85 peratus daripada kos projek atau maksimum RM2.5 juta (yang mana lebih rendah) yang ditandatangani pada faedah pinjaman lima peratus setahun dengan tempoh maksimum lapan tahun.

Terdapat juga diskaun khas daripada MEC ke atas pembelian harta-harta kediaman dan peraturan beli balik kilang-kilang yang direka bentuk bagi kenaikan taraf.

MEC akan memperuntukkan kira-kira 285 hektar tanah kepada syarikat-syarikat vendor untuk mereka menubuhkan operasi di MEC City.

Tanah itu akan menelan belanja kira-kira RM10 setiap kaki persegi bagi vendor bumiputera dan di antara RM13 hingga RM15 sekaki persegi bagi vendor bukan bumiputera. -- BERNAMA

ZMY FR OS